



GANDINGAN *AL-SAMAWAT* DENGAN *AL-ARD* DALAM SURAH *AL-BAQARAH*

[THE PAIRING OF THE HEAVENS AND THE EARTH IN SURAH *AL-BAQARAH*]

WAN NUR THURAIYYA WAN ABDUL AZIZ & SUZANA SULAIMAN¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

e-mail: thuraiyyaaziz@gmail.com, suzana@unisza.edu.my

*Corresponding Author: suzana@unisza.edu.my

Received: 28 October 2024 | Accepted: 28 November 2024 | Published: 31 December 2024

Abstrak

Al-Quran merupakan bahan rujukan terbaik apabila ingin mengkaji mengenai keindahan dan kecantikan bahasa terutamanya keunikan yang terdapat di dalam bahasa Arab. Allah mewujudkan gandingan perkataan di dalam al-Quran sebagai salah satu peranan bagi menyampaikan mesej serta pesanan kepada umat manusia serta menunjukkan bahawa kitab suci al-Quran sebagai mukjizat agung yang tiada tandingannya. Artikel ini membincangkan mengenai salah satu gandingan perkataan yang terdapat di dalam al-Quran iaitu penulis memfokuskan kajiannya kepada perkataan *al-Samawat* dan *al-Ard* di dalam surah al-Baqarah. Terdapat perbezaan pada perkataan *al-Sama* apabila digabungkan dengan *al-Ard* iaitu dan adakalanya susunan kedua-dua lafaz ini juga turut berbeza iaitu didahulukan perkataan *as-Samawat* berbanding *al-Ard* ataupun sebaliknya. Setiap daripada perbezaan itu mempunyai tujuan serta fokus tertentu bagi menentukan konteks makna sesuatu ayat al-Quran. Data kajian tersebut dikumpul serta dipilih berdasarkan kerelevanan serta kesesuaian dengan tajuk kajian. Kajian mendapati bahawa setiap perbezaan yang ditemui di dalam al-Quran pada perkataan-perkataan ini merupakan salah satu tanda kemukjizatan al-Quran yang terbesar bagi memastikan umat manusia khususnya umat Islam tidak was-was akan kewujudanNya sebagai pencipta sekalian alam.

Keywords: al-Quran, *as-Samawat* dan *al-Ard*, keunikan Bahasa Arab, konteks makna

Abstract

The Quran is the best reference material for studying the beauty and elegance of language, especially when it comes to the beauty of Arabic language. Allah SWT created the pairing of words in Quran as one of the ways to convey messages to humans and also to demonstrate that the Quran is the greatest miracle for all the mankind. This article discusses the pairing of words found in the Quran, focusing on the words "*al-Samawat*" and "*al-Ard*" in Surah al-Baqarah. There are differences in the word "*al-Sama*" when combined with "*al-Ard*," and sometimes the arrangement of these two phrases also

varies, with "*as-Samawat*" sometimes preceding "*al-Ard*" and vice versa. Each of these differences has a specific purpose in determining the context of the meaning of a particular verse in the Quran. The research data were collected and selected based on relevance and suitability with the study's topic. The study finds that each difference found in the Quran regarding these words is one of the greatest signs of the Quran's miraculous nature, ensuring that the people especially the Muslims do not doubt His existence as the Creator of all the worlds.

Keywords: al-Quran, *as-Samawat* and *al-Ard*, context of the meaning

Cite as: Wan Nur Thuraiyya Wan Abdul Aziz & Suzana Sulaiman. (2024). Gandingan al-Samawat dengan al-Ard Dalam Surah Al-Baqarah [The Pairing of The Heavens and The Earth in Surah al-Baqarah]. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 3(2), 50-59.

PENGENALAN

Setiap perkataan mahupun ayat di dalam al-Quran mempunyai konteks makna yang tertentu yang ingin disampaikan kepada manusia keseluruhannya. Hal ini tidak lain tidak bukan adalah untuk menunjukkan kepada umat Islam khususnya berkenaan dengan keindahan al-Quran dan kecantikan bahasa yang dipilih serta gaya bahasa yang digunakan di dalamnya. Perkara-perkara yang indah ini secara tidak langsung dapat menarik perhatian serta kecenderungan manusia untuk lebih meneliti dan menghayati al-Quran bertepatan dengan fitrah manusia yang suka akan keindahan. Keadaan ini menyumbang kepada usaha untuk menarik minat orang bukan Islam untuk mengkaji kebenaran yang terkandung di dalam al-Quran seterusnya memahami ajaran-ajaran Islam yang sempurna yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad SAW sebagai wahyu daripada Allah SWT.

Perkataan *al-Samawat* berasal dari *سما - يسمو - سمو* yang bermaksud tinggi (علا). Dari konteks makna di dalam al-Quran, perkataan *al-Sama'* ialah langit ketika dalam bentuk mufrad jika mengikut pendapat Ibnu Kathir dalam kitabnya Mufasssir Sayyid Qutb manakala jika dalam bentuk jamak pula membawa maksud beberapa ruang langit. Selain itu, langit menurut Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat ialah lengkung yang tampaknya biru dan melingkungi bumi. Allah SWT ada menyebut bahawa langit merupakan penciptaan pertama kemudian diikuti oleh penciptaan makhluk lain seperti manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya':

يَوْمَ نَطْوِي السَّمَاءَ كَطَيِّ السِّجِلِّ لِلْكُتُبِ ۚ كَمَا بَدَأْنَا أَوَّلَ خَلْقٍ نُعِيدُهُ ۖ وَعَدًا عَلَيْنَا ۗ إِنَّا كُنَّا فَاعِلِينَ (١٠٤)

Maksudnya: “(Ingatlah) hari Kami menggulung langit seperti menggulung lembaran surat catatan; sebagaimana kami mulakan wujudnya sesuatu kejadian, Kami ulangi wujudnya lagi; sebagai satu janji yang ditanggung oleh Kami; sesungguhnya Kami tetap melaksanakannya.”

Maksud perkataan *al-Ard* yang terdapat di dalam al-Quran pula tidak berfokuskan kepada muka bumi sahaja bahkan *al-Ard* membawa erti yang pelbagai bergantung kepada konteks makna dalam ayat-ayat al-Quran.

فَخَسَفْنَا بِهِ وَبَدَارِهِ الْأَرْضَ فَمَا كَانَ لَهُ مِنْ فِئَةٍ يَنْصُرُونَهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَمَا كَانَ مِنَ الْمُنتَصِرِينَ (٨١)

Maksudnya: “Lalu Kami timbuskan dia bersama-sama dengan rumahnya di dalam tanah, maka tidaklah ia mendapat sebarang golongan yang boleh menolongnya dari azab Allah dan ia pula tidak dapat menolong dirinya sendiri.”

Sebagai contoh, lafaz *al-Ard* dalam surah al-Qasas ayat 81 tidak bermaksud bumi atau dunia semata akan tetapi bermaksud negara Mesir kerana ayat ini berkisarkan tentang kisah Nabi Musa dan Nabi Harun bersama Firaun dan Qarun. Allah SWT menghancurkan Qarun serta rumahnya ke dalam tanah kerana sikap bangganya yang melampau terhadap kekayaannya di dunia sedangkan kekayaannya itu adalah milik Allah dan merupakan pinjaman yang sementara. Tiada siapa yang datang membantu untuk menyelamatkannya daripada musibah tersebut walaupun dia mempunyai tentera-tentera yang kuat serta gagah sebelum ini. Seterusnya, perkataan *al-Ard* juga boleh membawa maksud Mekah al-Mukarramah berdasarkan ayat al-Quran dari surah yang sama iaitu surah al-Qasas ayat 57:

وَقَالُوا إِن تَتَّبِعِ الْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفُ مِنْ أَرْضِنَا ۖ أَوَلَمْ نُمَكِّنْ لَهُمْ حَرَمًا ءَامِنًا يُجِبَىٰ إِلَيْهِ تَمَرَاتُ كُلِّ شَيْءٍ رِّزْقًا مِنْ لَدُنَّا وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ (٥٧)

Maksudnya: Dan mereka berkata: “Jika kami mengikuti petunjuk bersama kamu, nescaya kami akan diusir dari negeri kami”. Dan apakah Kami tidak meneguhkan kedudukan mereka dalam daerah haram (Tanah suci) yang aman, yang didatangkan ke tempat itu buah-buahan dari segala macam (tumbuh-tumbuhan) untuk menjadi rezeki (bagimu) dari sisi Kamu? Tapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.”

Menurut kitab Ibn Kathir, ayat al-Quran dari surah al-Qasas ini berbentuk *syikayah* iaitu rungutan Allah SWT terhadap manusia yang degil untuk menerima ajaran yang dibawa oleh pesuruhNya, Nabi Muhammad SAW. Ayat 57 ini diturunkan khusus kepada orang Arab Mekah yang mengada adakan berbagai alasan untuk tidak mahu beriman kepada Allah dan kekal dalam agama nenek moyang mereka yang sesat. Antara alasan yang diberikan ialah mereka berasa takut akan nasib yang mungkin menimpa mereka akan menjadi seperti nasib para sahabat Nabi yang menjadi sasaran orang kafir Quraisy yang ingin membunuh sesiapa sahaja yang beriman dengan agama Islam atau mereka akan dibuang daripada Makkah disebabkan oleh keimanan mereka serta meninggalkan ajaran yang ditinggalkan oleh nenek moyang mereka sejak dahulu. Melalui ayat ini juga Allah memberi peringatan kepada Musyrikin Mekah bahawa nikmat rezeki makanan dan rezeki keamanan dari puak-puak jahat di Makkah merupakan kurniaan daripada Allah kepada penduduk Mekah *asbab* doa yang pernah diaminakan oleh Nabi Ibrahim.

Konteks sesuatu makna perkataan menyumbang dalam memahami serta menentukan frasa perkataan dan ia merupakan antara elemen yang paling penting dalam bidang bahasa. Kemampuan seseorang dalam menghasilkan perubahan dari segi pola dan kedudukan semantik adalah dengan memahami konteks sesuatu ayat. Menurut Sperber & Wilson (1955), konteks merupakan konstruk psikologi dan suatu yang amat penting (Leech, 1974:78) dan pandangan ini disokong oleh Hijab Mohammad (2014: 65) yang mengatakan bahawa konteks sebagai satu konsep yang berkait rapat dengan pragmatik dan fungsi sistematik. Oleh yang demikian, dapat kita simpulkan bahawa untuk memahami konteks ayat al-Quran bukan sekadar membaca dan memahami secara permukaan yang

semata-mata bergantung kepada ejaan serta maksud secara literal sahaja bahkan kita sebagai umat Islam perlu memahami konteks dan struktur leksikal al-Quran bagi menambahkan rasa ingin tahu ketika membaca kitab suci ini.

Oleh yang demikian, tidak dapat disangkal lagi bahawa kandungan al-Quran yang menjadi mukjizat agung Nabi Muhammad SAW ialah *syumul* iaitu sempurna dalam menzahirkan makna perkataan yang ada di dalamnya kerana setiap perkataan yang ada saling melengkapi di samping kitab al-Quran menjadi bukti kewujudan Allah SWT (Shahrizal & Zulazhan, 2014). Terdapat pelbagai keindahan bahasa atau linguistik yang wujud di dalam al-Quran seperti konsep penceritaan, sejarah, hukum-hakam, larangan yang keras mahupun lembut dan sebagainya. Majdi Ibrahim (2008: 234) berpandangan bahawa hubungan antara makna asal (tersurat) dengan makna *thanawi* (tersirat) perlu diberi perhatian manakala pengaplikasian dalam terjemahan *tafsiriyyat* untuk penjelasan makna adalah perlu untuk mentafsir ayat al-Quran. Konklusinya, bagi merungkai makna sebenar ayat al-Quran, tidak dapat tidak kita perlu memberi sepenuh pemerhatian terhadap konteks makna setiap perkataan ayat-ayat al-Quran bagi memastikan kefahaman serta ketepatan sesuatu ayat al-Quran tersebut seterusnya menghasilkan impak yang besar bagi menjamin kebahagiaan dan ketenangan yang dijanjikan dalam kehidupan di muka bumi ini.

Seperti yang sedia maklum bahawa antara cara untuk menentukan keindahan serta ketepatan maksud yang terdapat dalam al-Quran adalah dengan melihat gabungan perkataan. Lebih-lebih lagi jika makna gabungan perkataan tersebut dapat memberikan impak yang besar kepada pembaca al-Quran. Antara gandingan perkataan yang sering dijumpai ketika membaca ayat al-Quran ialah perkataan *al-Samawat* dan *al-Ard* seperti di dalam surah Ali Imran, surah al-Ma'idah, surah al-Hijr dan banyak lagi surah yang terkandung gabungan ini. Perkataan *as-Sama'* atau *as-Samawat* jika diperhatikan dengan teliti kebanyakannya didahulukan terlebih dahulu berbanding perkataan *al-Ard*. Hal ini kerana perkataan *as-Sama'* menunjukkan keluasan yang lebih hebat berbanding *al-Ard* kerana di langit adanya bulan, matahari, bintang dan sebagainya selain daripada bukti penciptaan langit terlebih dahulu berbanding bumi.

Perbezaan yang berlaku di antara gandingan dua perkataan ini menimbulkan tanda tanya dalam kalangan segelintir pembaca al-Quran dan ianya sangat berkait rapat dengan ilmu bahasa Arab kerana al-Quran diturunkan dengan menggunakan bahasa yang indah ini selain daripada kaya dengan aspek gabungan kata (Brashi, 2005). Akan tetapi tidak ramai pengkaji yang membincangkan mengenai masalah ini yang mungkin disebabkan oleh kurang mendapat perhatian mengenai perbezaan tersebut. Memahami serta mendalami struktur makna ayat-ayat al-Quran menuntut ketekunan yang utuh kerana struktur al-Quran mengutarakan maksud kontekstual yang mempunyai semantik yang berbeza bergantung pada konteks ayat (Maha Alrabiah, Nawal Alhe;ewh, ABdul Malik & Eric Atwell, 2014: 2). Hal ini ditegaskan lagi oleh Shihab dan Rafid (2008) bahawa bentuk teks al-Quran sangat mencabar untuk dibuat sebagai penyelidikan melainkan seseorang itu mempunyai pengetahuan Bahasa Arab yang kukuh bagi memahami gaya bahasa dan struktur leksikal al-Quran dengan baik bagi mengelakkan daripada berlaku keclaruan maksud ayat-ayat suci al-Quran.

Kajian ini dipilih untuk dibuat adalah untuk mencapai objektif yang berikut, mengenalpasti perkataan *al-Samawat* dan *al-Ard* yang digabungkan dalam satu ayat di dalam surah al-Baqarah serta menganalisis konteks makna gandingan *al-Sama'* dan *al-Ard* di dalam al-Quran berdasarkan pandangan-pandangan sarjana al-Quran yang tersohor.

METODOLOGI

Kajian ini berteraskan korpus bahasa berorientasikan metod pemerolehan data untuk dianalisis setelah mengenal pasti data-data yang berkaitan. Perbincangan dan perbahasan yang dilakukan dalam kajian ini adalah berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap gandingan perkataan *as-Sama'* dan *al-Ard* di dalam al-Quran iaitu berfokuskan pada surah al-Baqarah. Data kajian ini dianalisis berdasarkan aspek linguistik terhadap kategori semantik dan gaya bahasa perkataan *as-Sama'* dan *al-Ard* bagi mengetahui konteks makna pada lafaz tersebut terutamanya pada lafaz *as-Samawat* yang berubah keadaannya sama ada dalam keadaan *mufrad* atau *jama'*. Data kajian yang dikumpulkan seterusnya dipilih berdasarkan kesesuaian kajian sebelum dimasukkan ke dalam jadual untuk menunjukkan pengkategorian yang kemas. Kajian ini diteruskan lagi dengan proses validasi penjelasan konteks gandingan di antara *as-Sama'* dan *al-Ard* berdasarkan buku-buku tafsir dari beberapa sarjana Arab al-Quran yang terkemuka dan yang tidak asing lagi dalam dunia tafsir seperti *Tafsir Ibn Kathir* (Ibnu Kathir), *Tafsir al-Kasyaf* (Zamakhshari), *Tafsir fi Zilal al-Quran* (Sayyid Qutb), *Tafsir Kabir* (Fakhruddin al-Razi) dan banyak lagi kitab tafsir lain yang membantu dalam menjayakan kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Jumlah ayat al-Quran yang mengandungi lafaz *al-Samawat* ialah sebanyak 188 ayat yang dapat ditemukan dalam 68 muka surat dengan konteks makna yang pelbagai jenis. Manakala jumlah gandingan perkataan di antara *al-Samawat* dengan *al-Ard* di dalam al-Quran ialah sebanyak 154 kali yang mana gandingan *as-Samawat* dengan *al-Ard* sebanyak 46 kali, *as-Sama'* dengan *al-Ard* 44 kali dan dalam surah al-Baqarah ialah sebanyak sembilan kali.

Mustafa Sadiq al-Rafi'i ada menyebut bahawa sebab menggabungkan *as-Samawat* dan *al-Ard* adalah kerana irama muzik. Abd al-Qahir al-Jurjani mengutarakan pendapat beliau mengenai perkaitan antara perkataan-perkataan dalam satu ayat dan setiap perkataan mempunyai fungsi dengan adanya perkataan lain. Ini dinamakan sebagai al-Nazm (النظم) yang berkait rapat dengan gaya bahasa bagi menzhahirkan kemukjizatan al-Quran. Bagi beliau, gandingan perkataan dalam satu ayat amat penting bagi mengukuhkan makna ayat al-Quran serta dapat menjadikan ayat tersebut dapat dijiwai oleh semua pembaca al-Quran. Hal ini kerana kemukjizatan penyusunan al-Quran dipengaruhi oleh tiga aspek iaitu aspek intonasi atau bunyi, perkataan dan ayat (Mustafa Sadiq al-Rafi'i, 1997).

Jadual 1 Dua lafaz yang dipisahkan dengan perkataan lain

Bil	Ayat al-Quran	Dipisahkan dengan Perkataan Lain
1	هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ أَسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (□□)	Ya
2	قَالَ يٰٓأَدَمُ أَنْبِئْهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ ۖ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَّكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ غَيْبَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ (□□)	Tidak
3	أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۖ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ (□□□)	Tidak

4	وَقَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ وَلَدًا سُبْحَنَهُ ۚ بَلْ لَّمَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ ۚ كُلٌّ لَّهٗ قَنٰتٰنٌ (□□□)	Tidak
5	بَدِيعُ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ ۚ وَاِذَا قُضِيَ اَمْرٌ اِنَّمَا يَقُوْلُ لَّهٗ كُنْ فَيَكُوْنُ (□□□)	Tidak
6	اِنَّ فِيْ خَلْقِ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ وَاٰخْتِلَافِ اَلْيَلِ وَالنَّهَارِ وَالفَلَكِ الَّتِي تَجْرٰى فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ □	Tidak
7	وَمَا اَنْزَلَ اَللّٰهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَاحْيَا بِهٖ الْاَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيْهَا مِنْ كُلِّ دَآبَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْاَرْضِ لَنَآيِتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُوْنَ (□□□)	Ya
8	لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ ۚ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ □	Ya
9	وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ ۚ وَهُوَ يُدَبِّرُهُمْ اِلٰهٌ عَظِيْمٌ □	Tidak
10	لِلّٰهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ ۚ وَاِنْ تُبْدُوْا مَا فِيْ اَنْفُسِكُمْ اَوْ تَخْفَوْهُ يَحٰسِبْكُمْ بِهٖ اَللّٰهُ □	Tidak

Surah al-Baqarah: 22

الَّذِيْ جَعَلَ لَكُمُ الْاَرْضَ فِرْشًا وَالسَّمَاءَ بِنَآءٍ ۚ وَاَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَآءً فَاَخْرَجَ بِهٖ مِنْ الشَّجَرِ رِزْقًا لَّكُمْ ۚ فَلَا تَجْعَلُوْا لِلّٰهِ اُنْدَادًا وَاَنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ (٢٢)

Maksudnya: “Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hampan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkanNya air hujan dari langit lalu dikeluarkanNya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah sebarang sekutu padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa).

Ayat ini diturunkan adalah untuk mengukuhkan *rububiyyah* dan mengesakan Allah dengan percaya bahawa tiada Tuhan melainkan Dia sebagai tanda Allah pencipta sekalian makhluk dengan sebaik-baik ciptaan. Allah mendahulukan perkataan *al-Ard* bagi menceritakan kepada kita bahawa bumi dijadikan sebagai hampan yang luas kepada umat manusia untuk mencari rezeki yang halal sebagaimana yang kita perhatikan pada ayat yang sebelumnya iaitu:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اَعْبُدُوْا رَبَّكُمُ الَّذِيْ خَلَقَكُمْ وَالَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُوْنَ (٢١)

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa.”

Perkataan as-Sama’ menyusul selepas perkataan *al-Ard* disebut di dalam ayat ini yang mana as-Sama’ turut menjadi bukti kekuasaan Allah SWT kerana telah menciptakan langit sebagai binaan

yang kukuh dan tidak akan runtuh. Dr. Abdullah Muhammad Fahad (2017) menjelaskan mengenai lafaz as-Sama' dan *al-Ard* dalam al-Quran al-Karim dalam kajiannya bahawa makna *al-Sama'* dan *al-Ard* mempunyai *dalalah* yang pelbagai kerana ia merupakan tanda kemukjizatan al-Quran. Perkataan as-Sama' dari segi bahasa ialah segala yang berada di atas. Menurut Kitab Ibn Kathir, as-Sama' di dalam ayat ini diibaratkan sebagai bangunan iaitu bina' (البناء). Titik persamaan di antara langit dan bangunan adalah untuk menunjukkan bahawa kedua-duanya menjadi pelindung bagi manusia daripada bahaya.

Perkara ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa Allah ingin menunjukkan kewujudanNya sebagai pencipta sekalian alam serta mampu untuk mengadakan apa sahaja yang Dia kehendaki. Kedatangan al-Quran sebagai wahyu daripada Allah jelas menjadi tanda bahawa langit dan bumi merupakan antara ciptaan yang paling besar. Menurut *Encyclopedia Britannica*, atmosfera adalah lapisan gas dengan ketebalan ribuan kilometer yang terdiri di atas beberapa lapisan dan berfungsi melindungi bumi dari radiasi dan pecahan meteor. Ahmad Yani (2023) berpandangan bahawa maksud atmosfera dalam al-Quran pula ialah lapisan udara di langit yang melindungi bumi. Hal ini bertepatan dengan kajian sains yang menunjukkan bahawa langit bertindak sebagai pelindung daripada sinar-sinar yang berbahaya seperti sinaran ultraviolet (UV) yang berlebihan dan sinaran matahari secara terus. Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, jika seseorang itu terdedah kepada sinaran UV dalam jangka masa yang lama, keadaan tersebut akan memberi kesan yang buruk kepada kesihatan iaitu kronik pada kulit, mata dan sistem imun seseorang individu.

Perkataan as-Sama' dan *al-Ard* diletakkan dalam satu ayat adalah kerana langit diibaratkan pasangan bagi bumi. Jadi, kebiasaan yang biasa bagi pasangan jika digabungkan bersama bagi menandakan ikatan yang rapat. Selain itu, dua perkataan ini diletakkan bersama kerana kedua-duanya merupakan nikmat yang sangat diperlukan oleh manusia iaitu manusia memerlukan air di muka bumi dan memerlukan udara di langit untuk meneruskan kehidupan mandiri. Dapat kita simpulkan daripada ayat al-Quran ini bahawa Allah SWT sangat mengambil berat akan keperluan hamba-hambaNya dari sebesar-besar perkara hinggalah sekecil-kecil perkara. Malangnya, terdapat segelintir umat manusia yang tidak menyedari akan nikmat ini dan mendorong mereka untuk menjadi manusia yang tidak bersyukur di atas kurniaan nikmat yang telah Allah berikan kepada mereka.

Dua lafaz yang bergandingan dalam satu ayat tanpa pemisah

Surah al-Baqarah: 107

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ وَمَا لَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِن وَلِيٍّ وَلَا نَصِيرٍ

Maksudnya: “Tidakkah engkau mengetahui bahawa sesungguhnya Allah yang menguasai segala alam langit dan bumi? Dan tidak ada pelindung atau penolong bagimu selain daripada Allah.”

Melalui ayat ini, Allah SWT menyindir orang Yahudi serta Nasrani yang mempersoalkan tindakan Allah SWT memansuhkan ayat-ayat dari Kitab mereka kerana setiap apa yang ada di langit dan bumi adalah milik Allah SWT. Jadi, Allah SWT mempunyai kuasa untuk memansuhkan sesuatu ayat tersebut ataupun tidak. Buktinya dapat kita lihat pada kalimah **لَهُ** dan **مُلْكُ**. Allah menyusun perkataan ini adalah untuk menunjukkan bahawa semua yang wujud adalah kepunyaan Allah SWT.

Allah SWT tidak berkongsi hasil ciptaanNya dengan sesiapa pun apatah lagi manusia yang diciptakan olehNya. Jika ada yang mempersoalkan perkara itu, kelak dia akan menerima balasan yang setimpal serta azab yang keras dengan keraguannya yang tidak berasas yang mana ketika itu tidak ada seorang pun yang dapat memberikan pertolongan.

Maksud langit yang digunakan adalah untuk menunjukkan keagungan, kekuasaan serta pengaturan dan perlindunganNya terhadap apa saja yang berada di langit yang merupakan tanda kewujudan Allah yang Maha Esa (Mainizar, 2017). Perkataan *as-Samawat* dan *al-Ard* dalam ayat 107 ini bergabung dengan turutan menunjukkan kepada pembaca bahawa kedua-dua perkataan ini tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Hal ini kerana gandingan di antara dua perkataan ini dengan (لَهُ مُلْكٌ) merupakan tanda atau dalil keesaan dan keagungan Allah SWT sebagai pencipta sekalian alam yang terdiri daripada bukit-bakau, gunung-ganang, pokok-pokok yang tumbuh kehijauan, burung-burung yang terbang di langit mencari rezeki, hatta sekecil-kecil makhluk hidup yang lain seperti sekumpulan semut yang keluar mendapatkan makanan dan pelbagai lagi ciptaan Allah di muka bumi ini. Setiap dari perkataan-perkataan tersebut dijumpai di dalam al-Quran lebih-lebih lagi apabila digandingkan bersama jelas menunjukkan kepada umat Islam khususnya bahawa sifat Allah SWT yang sempurna dari segala kekurangan serta kedudukanNya yang mulia tidak dapat disangkal lagi.

Surah al-Baqarah: 164

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ

Maksudnya: “Sesungguhnya pada kejadian langit dan Bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia.”

Ayat ini menunjukkan kepada kita bahawa hanya Allah SWT sahaja tempat yang sesuai untuk umatnya mengadu resah, gelisah, sedih dan bahagia kerana Dia merupakan pencipta langit dan bumi. Jika difikirkan kembali oleh dek akal yang sihat sekalipun, alam yang seindah ini yang merupakan sebaik-baik ciptaan mustahil andai tiada pemiliknya dan ia sangat bertentangan dengan apa yang diperkatakan oleh golongan yang tidak menerima kebenaran seperti golongan ateis yang percaya bahawa alam semesta; langit dan bumi ini terjadi dengan sendiri berdasarkan logik akal mereka sendiri. Berdasarkan firman Allah SWT yang lain di dalam surah at-Tur:

أَمْ خُلِقُوا مِنْ غَيْرِ شَيْءٍ أَمْ هُمُ الْخَالِقُونَ (٣٥) أَمْ خَلَقُوا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بَلْ لَا يُوقِنُونَ (٣٦)

Maksudnya: “(Mengapa mereka beriman?) Adakah mereka telah tercipta dengan tiada yang menciptakannya atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri?(35) Adakah mereka yang menciptakan langit dan bumi itu? (Sudah tentu tidak!) Bahkan mereka adalah orang-orang yang tidak meyakini (kebenaran apa yang mereka pernah mengakuinya). (36)”

Berdasarkan dua ayat al-Quran ini, kita dapat rungaikan kewujudan beberapa soalan yang boleh dijadikan sebagai kemungkinan jawapan sesuatu makhluk itu diciptakan. Yang pertama ialah,

sesuatu makhluk itu tercipta dengan tiada yang menciptanya. Kenyataan ini jelas tidak dapat diterima oleh akal. Seterusnya, kemungkinan bahawa makhluk itu menciptakan dirinya sendiri. Mana mungkin alam semesta terjadi dengan sendiri kerana ianya tiada sebelum diadakan kerana konsep penciptaan sesuatu adalah mustahil untuk wujud dan tidak wujud dalam satu masa yang sama.

KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian penulis terhadap gandingan di antara perkataan *al-Samawat* dengan *al-Ard* dalam surah al-Baqarah dapat disimpulkan, kepelbagaian konteks makna bagi perkataan *as-Samawat* dan *al-Ard* di dalam al-Quran antaranya ialah Allah ingin menjelaskan keagunganNya serta kebesaranNya melalui gabungan lafaz tersebut di dalam ayat suci al-Quran. Selain itu, melalui lafaz *as-Samawat* Allah SWT ingin memberitahu tentang segala apa yang ada di langit dan di bumi adalah milik Allah dan perlu disyukuri dengan sepenuh hati kerana ia merupakan nikmat terbesar yang Allah kurniakan kepada hamba-hambaNya. Perkataan *as-Samawat* dan *al-Ard* disusun secara terus tanpa pemisah dan juga wujud pemisah di antara kedua-duanya menunjukkan kepelbagaian dari segi penyusunan dan keindahan al-Quran. Terdapat beberapa perbezaan dan juga persamaan tentang cara menterjemahkan perkataan *as-Samawat* dan *al-Ard* iaitu dengan memahami konteks makna ayat al-Quran yang ingin disampaikan oleh Allah SWT di samping menitikberatkan aspek sebab penurunan ayat tersebut serta mengambil tahu mengenai sejarah-sejarah Islam yang berlaku. Maksud *al-Ard* tidak bermaksud kepada bumi sahaja malah membawa maksud nama-nama negara bergantung kepada siapa yang ditujukan dalam ayat tersebut atau di nama ayat itu diturunkan. Oleh itu, seseorang itu perlu mendalami sebab penurunan ayat-ayat al-Quran bagi merungkai maksud *al-Ard* di dalam kitab suci tersebut. Akhir kata, setiap perkataan yang disusun dengan indah mahupun digabungkan antara dua perkataan mempunyai makna yang tersirat yang perlu kita kaji dengan lebih mendalam di samping tanda kemukjizatan kitab agung al-Quran. Kajian merumuskan bahawa gandingan perkataan *as-Samawat* dan *al-Ard* di dalam surah al-Baqarah khususnya wujud perkaitan yang kuat jika dilihat dari konteks makna ayat al-Quran. Kajian ini tidak menitikberatkan terhadap skop semantik serta morfologi mahupun terjemahan dengan lebih mendalam. Justeru, kajian-kajian lain diharapkan dapat dijalankan dengan menumpukan pemerhatian terhadap skop bahasa tersebut bagi merungkai permasalahan yang timbul mengenai gandingan dua perkataan ini. Oleh itu, kajian ini diharap dapat membantu untuk memahami rahsia gandingan dua perkataan ini di dalam al-Quran di samping menjadi sumber rujukan dan usaha permulaan untuk melaksanakan kajian seterusnya mengenai isu, ciri, struktur seterusnya peranan konteks makna dalam al-Quran.

RUJUKAN

- Ahmad Yani, Imel & Ardina Rasti. (2023). Kajian Atmosfer dalam Al-Quran. *Jurnal Religion: Jurnal Agama, Sosial dan Budaya*. 1(5), 517-525.
- Hijab Mohammad Alathni. (2014). The structure and Context of Idiomatic Expressions in the Saudi Press. PhD thesis. University of Leeds.
- Leech, G. (1974). *Semantics*. London: Penguin Books Ltd.
- Mainizar, N. (2017). Penafsiran Lafaz Samaawaati dalam al-Quran (Kajian Tafsir Tematik oleh Para Mufasssir). *Jurnal Ushuluddin*, 23(2), 127-142.

- Majdi Ibrahim, Saupi Man. (2008). Kaedah Penterjemahan Struktur Ayat Balaghah di dalam al-Quran. Membina Kepustakaan dalam bahasa Melayu. *Persidangan Penterjemahan ANtarabangsa* ke 11, hlmn 234.
- Mohd Shahrizal Nasir, Zulazhan Ab. Halim, Mohd Hazli Yah Alias, Mohd Fauzi bin Abdul Hamid. (2014). *Bahasa al-Quran Yang Tersurat dan Tersirat*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin. Malaysia: Terengganu
- Mustafa Sadiq al-Rafii. (1997). *I'jaz al-Quran wa al-Balaghah al-Nabawiyah*. Mansourah: Maktabah al-Fayyadh.
- al-Qurtubi. (1988). *Al Jami' li Ahkam al-Quran li al Qurtubi*. Dar al Kutub al-Ilmiyyat. Beirut: Lubnan.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1955) *Postface to the second edition of Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.